



جَبَاتِنِ كَحَاكِمِينَ شَرَعِيَّةٍ مَالِيسِيَا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Persint 3 62100 PUTRAJAYA

PRA PERBICARAAN

Tel :603-88709200 / 9201

Faks : 603-8870 9500

Portal Rasmi :

www.jksm.gov.my

Ruj.Kami:JKSM.600-1/2/4 JLD 8 (28)

Tarikh : 11 Syaaban 1446H

: 10 Februari 2025

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO.5 TAHUN 2024

**PERJANJIAN PENYELESAIAN/ PERSETUJUAN YANG DIBUAT
OLEH PIHAK-PIHAK, PEGUAM SYARIE DAN PEGAWAI SULH/
PENGANTARA/ MEDIASI AGENSI TERTENTU TIDAK PERLU
DIRUJUK KE MAJLIS SULH PADA PERINGKAT PENDAFTARAN
KES.**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 5hb. Jamadilawal 1446H bersamaan 7hb. November 2024 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Pihak-Pihak, Peguam Syarie dan Pegawai Sulh/ Pengantara/ Mediasi Agensi Tertentu tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran kes.


1. Kes-kes yang disertakan Perjanjian Penyelesaian/ persetujuan yang dibuat oleh pihak-pihak Peguam Syarie dan Pegawai Sulh/ Pengantara/ Mediasi Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran kes.

2. Bagi kes-kes yang telah melalui proses Sulh/ pengantaraan/ Mediasi di Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran kes

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.1 Tahun 2010 dan Arahan Amalan No.9 Tahun 2015

Arahan Amalan No.2 Tahun 2012 dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HJ MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA